

**GEMPUR KECEMERLANGAN TINGKATAN 5
SESI AKADEMIK 2024/2025**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

PERNIAGAAN
Kertas 2
Ogos 2024
2 jam 15 minit

3766/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **lima** soalan dalam **Bahagian A**, **dua** soalan dalam **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib dalam **Bahagian C**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang dibuat. Kemudian tuliskan jawapan yang baharu.

Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
BAHAGIAN A :		
1	10	
2	10	
3	10	
4	10	
5	10	
6	10	
BAHAGIAN B :		
7	15	
8	15	
9	15	
BAHAGIAN C :		
10	20	
Jumlah	100	

Kertas soalan ini mengandungi 22 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah



Bahagian A

(50 markah)

Jawab mana-mana **LIMA** soalan dalam bahagian ini.

- 1 Gambar 1 menunjukkan dua syarikat yang telah menjalankan perniagaan bersama.



Gambar 1

- a) Mengapakah kedua-dua syarikat tersebut memilih jenis pemilikan di atas? [4 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan perniagaan Encik Rahman.

Pada tahun 1982, Encik Rahman telah mengusahakan kebun kelapa sawit di atas tanah seluas 11 hektar dengan 5 orang pekerja.

Pada tahun 1992, beliau telah menceburkan diri dalam bidang pembuatan minyak masak dengan pekerja seramai 150 orang.

Pada tahun 2015, perniagaan ini telah menghasilkan sebanyak 100 000 botol minyak sawit sebulan dengan 500 orang pekerja tetap dan jumlah jualan tahunan RM100 juta setahun. Kesedaran pengguna atas penjagaan kesihatan menyebabkan permintaan minyak kelapa sawit meningkat sehingga ke peringkat antarabangsa.

- i) Jelaskan saiz perniagaan yang dimiliki oleh Encik Rahman pada tahun 2015.

[3 markah]

- ii) Apakah cabaran saiz perniagaan di b (i)?

[3 markah]

- 2 a) Gambar 2 menunjukkan bangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.



Gambar 2

Terangkan **dua** peranan kerajaan pusat dalam membantu perniagaan dari aspek perundangan. [4 markah]

- b) Pihak Berkuasa Tempatan berperanan menangani isu tempatan, memastikan kawasan pentadbirannya berada dalam keadaan selamat dan merancang sesuatu pembangunan dalam keadaan sempurna serta sesuai dengan keadaan masyarakat setempat.

Nyatakan peranan lain yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. [2 markah]

c) Situasi di bawah telah menyebabkan berlakunya pengangguran di sesebuah negara.

- Keadaan ekonomi meleset menyebabkan perniagaan kehilangan sebahagian pendapatan dan tidak mampu membayar gaji pekerja.
- Perubahan dalam industri secara keseluruhan yang tidak memerlukan kemahiran pekerja.

Kenal pasti **dua** jenis pengangguran tersebut dan bagaimanakah cara pihak kerajaan mengatasinya. [4 markah]

- 3 a) Jelaskan maksud visi dalam sesebuah perniagaan. [2 markah]

- b) Nyatakan **empat** tumpuan pertubuhan sukarela dalam perniagaan. [4 markah]

- 3 c) Gambar 3 menunjukkan dua organisasi perniagaan yang mempunyai objektif yang berbeza.



Organisasi A



Organisasi B

Gambar 3

Terangkan perbezaan antara Organisasi A dan Organisasi B mengikut aspek berikut :

- i. Aktiviti [2 markah]
 ii. Sumber kewangan [2 markah]


- 4 a) Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Pasti Beres Sdn. Bhd.

- ❖ Syarikat Pasti Beres Sdn. Bhd. sentiasa menggalakkan pekerjaanya menyumbangkan idea untuk kemajuan syarikat.
- ❖ Encik Malican telah dibuang kerja kerana pecah amanah.
- ❖ Honda Malaysia Berhad mengamalkan konsep KAIZEN dan ZERO DEFECT dalam pengurusan syarikat.

Nyatakan **tiga** peranan pengurusan sumber manusia yang berkaitan dengan situasi-situasi di atas. [3 markah]

- b) Cadangkan **tiga** jenis sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi perniagaan sebuah kedai menjual telefon pintar. [3 markah]

- c) Gambar 4 menunjukkan sumber yang wujud dalam sesebuah perniagaan.



GAMBAR A

GAMBAR B

Terangkan prosedur pengurusan sumber-sumber fizikal di atas.

[4 markah]

- 5 a) Jelaskan sumber pembiayaan luaran pemfaktoran. [3 markah]

- b) Gambar 5 menunjukkan logo sebuah institusi kewangan.



Gambar 5

Jelaskan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan daripada institusi kewangan dalam Gambar 5. [4 markah]

- c) Senaraikan **tiga** kelebihan seorang usahawan kepada masyarakat. [3 markah]

- 6 a) *Penyata aliran tunai juga dikenali sebagai penyata aliran dana yang melaporkan kegiatan aliran tunai syarikat atau perniagaan.*

Nyatakan **tiga** kepentingan penyata aliran tunai kepada sesebuah perniagaan.

[3 markah]

- b) Terangkan **dua** faktor yang perlu dipertimbangkan oleh seorang usahawan untuk memulakan perniagaannya.

[4 markah]

- c) Maklumat di bawah berkaitan dengan Perusahaan Wak Jono Tempe.

Perusahaan Wak Jono Tempe baharu sahaja melancarkan tempe berperisa keju di pasaran. Mereka mensasarkan pasaran sekitar Muar dan Batu Pahat, Johor sebagai permulaan. Selain menjual secara fizikal, mereka juga menerima tempahan secara dalam talian.

Huraikan **satu** kaedah promosi yang sesuai untuk situasi di atas.

[3 markah]

Bahagian B**(30 markah)**

Jawab mana-mana **DUA** soalan dalam bahagian ini.

- 7 a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Yahya, seorang pengusaha kilang keropok.

Encik Yahya ialah seorang pengusaha kilang keropok di Sungai Baru, Perlis. Beliau menubuhkan kilang ini sejak tahun 1995 atas pinjaman wang daripada saudara-mara dan wang simpanan peribadi. Kilang beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui pemborong. Dengan ini, keropok keluaran kilang kilangnya dapat dijual di pelbagai kawasan dalam negeri Perlis bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan yang ramai.

Demi melancarkan proses pengeluaran, beliau telah menggaji 18 orang pekerja tetap yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan mesin di kilangnya. Pada penghujung tahun 2023, hasil jualan tahunan yang diperoleh adalah sebanyak RM750 000.

Klasifikasikan pemilikan perniagaan tersebut berdasarkan saiz, skala dan sektor perniagaan. [6 markah]

- b) Jelaskan **dua** faktor yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan. [4 markah]
- c) Nyatakan **lima** kesan kegagalan mencapai matlamat perniagaan. [5 markah]

- 8 a) Nyatakan kepentingan interaksi dengan organisasi luar. [3 markah]
- b) Gambar 6 menunjukkan kegiatan di sebuah kilang menghasilkan coklat.



Gambar 6

Huraikan hubungan dan interaksi bahagian fungsian di kilang coklat tersebut dengan pihak luar. [6 markah]

- c) Terangkan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada usahawan. [6 markah]

- 9 a) Maklumat berikut adalah diperolehi daripada Syarikat Zass Kosmetik Sdn Bhd.

BUTIRAN	2022 (RM)	2023 (RM)
Kos Jualan	80000	60000
Aset semasa	75000	50000
Liabiliti semasa	30000	25000
Stok purata	18000	15000

- Hitungkan Nisbah Kecekapan bagi Syarikat Zass Kosmetik Sdn Bhd pada tahun 2022 dan 2023. [4 markah]
- Pada tahun manakah Syarikat Zass Sdn Bhd cekap menguruskan aset. Berikan alasan anda. [5 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan Basikal Anda Enterprise.

Basikal Anda Enterprise
Penyata X pada 31 Disember 2022

Butiran	2022	
Aset bukan semasa		
Kenderaan		57000
Aset semasa		
Stok akhir	10000	
Tunai	82000	92000
		149000
Ekuiti Pemilik		
Modal awal		80000
Tambah: Untung bersih		22000
Liabiliti Bukan semasa		
Pinjaman Bank		47000
		149000

Apakah nama penyata tersebut? Kenal pasti **lima** kepentingan penyata X kepada usahawan. [6 markah]

Bahagian C**(20 markah)**Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.

10 Baca dengan teliti kes di bawah.

JEM Enterprise adalah perniagaan milik Encik Jemakun, yang telah memulakan perniagaan makanan sejuk beku pada tahun 2022 di Jejawi, Perlis. Beliau telah mengeluarkan modal sendiri sebanyak RM 10,000 dari simpanan peribadinya untuk tujuan tersebut. Antara makanan sejuk beku yang diusahakan ialah karipap dan pau. Sambutan yang diterima terhadap produk-produk beliau amatlah menggalakkan. Jika pada awalnya dia hanya menumpukan kepada pasaran sekitar Perlis, kini produk keluaran JEM Enterprise kini boleh didapati di utara Kedah. Perkembangan positif ini mendorong Encik Jemakun bercita-cita untuk mengembangkan lagi perniagaan milikan tunggalnya itu.

Potensi JEM Enterprise yang besar telah mendorong, seorang sahabat lamanya, Encik Jaki untuk menemui dan berbincang dengan Encik Jemakun dengan tujuan untuk berkongsi modal dan sumber untuk mengembangkan lagi perniagaan tersebut. Encik JAKI sanggup menyumbangkan separuh dari modal untuk tujuan itu tetapi dia tidak mahu terlibat dengan pengurusan perniagaan. Setelah beberapa kali berbincang, akhirnya Encik Jemakun bersetuju dengan cadangan Encik Jaki dan setuju menubuhkan perkongsian dengan Encik Jaki serta menukar nama perniagaan menjadi Perusahaan JEM & JAKI. Mereka juga telah bersetuju untuk menambah beberapa lagi produk seperti donat, bombolini dan churros. Ini memandangkan trend terkini yang menyaksikan perubahan citarasa pengguna yang semakin berminat terhadap pastri berbanding dengan kuih muih tradisional.

Tambahan modal dari Encik Jaki telah digunakan untuk membesarkan premis perniagaan dan juga menambah jumlah pekerja tetap dan pekerja sambilan. Walau bagaimanapun, ia tidak cukup untuk menampung keperluan membeli beberapa jenis mesin yang terlibat dengan pengeluaran makanan sejuk mereka. Oleh itu, mereka bercadang untuk memohon pembiayaan dari pihak bank untuk tujuan itu. Namun, jangka hayat mesin yang hanya mampu bertahan selama 5 tahun sahaja menjadikan ianya tidak sesuai untuk diperolehi dengan kaedah pembiayaan sewa beli.

Berikut adalah dua institusi yang menawarkan pembiayaan kepada Perusahaan JEM & JAKI.

	BANK A	BANK B
Jumlah pinjaman	RM 50, 000	RM 60, 000
Tempoh masa	5 tahun	4 tahun
Kadar faedah	3%	2.5%
Cagaran	Tidak diperlukan	Perlu

Pekerja-pekerja mereka juga dipastikan agar kekal setia dan sentiasa bermotivasi melalui sistem penggajian yang sesuai. Ini memandangkan kesukaran untuk mencari pekerja yang berkemahiran. Dalam pada itu, Perusahaan JEM & JAKI juga telah berjaya untuk menggajikan seorang chef pastri berpengalaman yang yang dahulunya bekerja dengan dari salah satu pesaing mereka. Pengrekrutan chef ini, walaupun melibatkan pertambahan kos, diharapkan mampu menambahbaik kualiti makanan sejuk beku mereka dan seterusnya memacu perkembangan ke peringkat seterusnya.

Berdasarkan kes diatas, jawab soalan berikut :

- a) Terangkan mengapakah Encik Jemakun bersetuju dengan cadangan Encik Jaki. [4 markah]
- b) Apakah peranan Encik Jaki dalam perkongsian tersebut? [2 markah]
- c) Kenalpasti faktor dalaman dan luaran yang telah membawa perubahan kepada kepada perniagaan mereka? [4 markah]
- d) Cadangkan jenis pembiayaan yang sesuai untuk mesin-mesin yang akan mereka perlukan. [3 markah]
- e) Manakah institusi kewangan yang sesuai dipilih oleh Perusahaan JEM & JAKI? Berikan justifikasi anda. [3 markah]
- f) Cadangkan **dua** faktor penentuan penggajian yang perlu diaplikasikan oleh Perusahaan JEM & JAKI. [4 markah]

JAWAPAN SOALAN 7

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

JAWAPAN SOALAN 8

[illegible]

[illegible]

JAWAPAN SOALAN 9

[illegible]

This image shows a full page of blank, white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a template for writing or drawing. There are no margins, text, or other markings present.

JAWAPAN SOALAN 10

[illegible]

[illegible]

KERTAS SOALAN TAMAT.